

PERATURAN AM DI ASRAMA

- a. Pada hari persekolahan, semua pelajar hendaklah berada di tempat Perhimpunan pada jam 07.00.
- b. Pelajar tidak dibenarkan pulang ke asrama pada waktu akademik. Sebelum meninggalkan asrama, bilik hendaklah dipastikan kemas dan bersih.
- c. Susunan alat kelengkapan seperti katil, tilam, almari dan alatan tidak boleh diubah tanpa kebenaran.
- d. Semua pakaian pelajar hendaklah ditanda dengan No. Maktab.
- e. Kebersihan persekitaran asrama adalah tanggungjawab bersama.
- f. Semua jenis makanan basah tidak dibenarkan di asrama.
- g. Alatan berbahaya seperti pisau, racun, asid dan sebagainya tidak dibenarkan dimiliki/disimpan/diguna di asrama.
- h. Pelajar hendaklah sentiasa menghormati pekerja/kakitangan asrama.
- i. Pelajar tidak dibenarkan membuat bising yang keterlaluan di asrama.
- j. Pelajar bertanggungjawab memastikan semua suis alatan elektrik dimatikan sebelum meninggalkan asrama.
- k. Pelajar yang sakit hendaklah berada di bilik sakit pada waktu akademik.
- l. Pelajar hendaklah memastikan asrama berada dalam keadaan bersih, kemas dan teratur sebelum pulang bercuti.
- m. Pelajar hendaklah mengamalkan amalan penjimatan air dan elektrik bagi mengelakkan pembaziran.
- n. Pelajar hendaklah berada di asrama sebelum jam 2300 sehingga jam 0530.

**PASTIKAN KEADAAN BILIK BERSIH SEBAGAIMANA
BERIKUT SEBELUM KELUAR :-**

- 1) Bilik mestilah sentiasa kemas, bersih dan teratur.
- 2) Kad Identiti Pelajar mesti ditampalkan pada penjuru atas kiri almari.
- 3) Buku dan alatan hendaklah disusun dengan kemas.
- 4) Sampah hendaklah dibuang di tempat yang disediakan.
- 5) Gambar dan poster tidak dibenarkan ditampal di dinding.
- 6) Hanya cadar dan sarung bantal maktab sahaja dibenarkan.
- 7) Selimut hendaklah dilipat dan diletakkan di hujung katil.
- 8) Pakaian yang kering hendaklah dilipat kemas dan disimpan dalam almari.
- 9) Pakaian dan tuala yang basah hendaklah disidai di ampaian yang disediakan.
- 10) Barang-barang yang tidak digunakan seperti beg dan kotak hendaklah disimpan didalam stor/tempat yang ditentukan.
- 11) Dilarang meletakkan sebarang alatan/barangan di tingkap asrama.
- 12) Kasut hendaklah disimpan di tempat yang disediakan.
- 13) Ampaian hendaklah dikosongkan sebelum jam 7.00 malam.
- 14) Pemeriksaan asrama akan dijalankan setiap hari sebelum kelas bermula.